



**PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**

AKTIF MADANI 2025 PERKUKUH BUDAYA SIHAT WARGA AKM

SINTOK, 15 November 2025 – Seramai 530 warga Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri dari seluruh negara berhimpun di Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi menyertai Program Aktif MADANI 2025, yang berlangsung dari 15 hingga 16 November 2025.

Program yang dianjurkan oleh Team AKM dengan kerjasama Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dari segi mental dan fizikal agar warga AKM kekal cergas dalam melaksanakan pelbagai program latihan kenegaraan di lapangan. Inisiatif ini seiring dengan nilai teras Malaysia MADANI, iaitu kesejahteraan, yang menekankan kepentingan keseimbangan hidup serta kesihatan menyeluruh dalam kalangan rakyat.

Pelancaran program telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah AKM, YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, yang menegaskan bahawa tahap kesihatan warga AKM memberi kesan langsung kepada keupayaan agensi melaksanakan amanah kepada rakyat.

"Warga AKM perlu memastikan diri sentiasa sihat dan cergas kerana AKM merupakan agensi penting yang melaksanakan pelbagai bentuk program kepada masyarakat. Jika kita tidak sihat, sukar untuk kita turun ke lapangan dan memberi yang terbaik kepada peserta di seluruh negara," tegas beliau semasa menyampaikan ucapan pelancaran.

Pelbagai acara telah dipertandingkan termasuk golf, bola sepak, pétanque, larian 8x50 meter, bola jaring, badminton, dam aji, karom dan tarik tali. Penyertaan aktif daripada semua peringkat warga AKM membuktikan komitmen mereka dalam menjadikan gaya hidup sihat sebagai sebahagian daripada budaya kerja organisasi.

Penganjuran Aktif MADANI 2025 bukan sahaja menyokong aspirasi kerajaan untuk membudayakan kehidupan sihat dalam kalangan penjawat awam, malah mengangkat nilai kesejahteraan sebagai teras penting dalam pelaksanaan program latihan kenegaraan berimpak tinggi, khususnya dalam memperkasa rakyat dengan nilai patriotisme dan semangat cintakan negara.

###

**AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
15 NOVEMBER 2025**
